

Konsep negara

Oleh UM 1 OCT 2001
LAUPA JUNUS dan HELMI MOHD. FOAD

KUALA LUMPUR 30 Sept. — Penegasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa Malaysia sebagai negara Islam dianggap telah berjaya membuka pintu perbincangan bagi orang bukan Islam memahami perkara itu dengan lebih jelas.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik berkata, adalah suatu yang menggalakkan apabila Dr. Mahathir menggunakan forum Gerakan untuk memulakan satu perbincangan dengan menunjukkan pendirian kerajaan berkenaan negara Islam.

"Pas pun cuba mewujudkan negara Islam.

Ada banyak orang salah faham tentang perkara itu hingga timbul rasa takut di kalangan orang bukan Islam.

"Sekarang mereka boleh melihat penekanan Perdana Menteri bahawa apa yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan menunjukkan Malaysia diiktiraf sebagai negara Islam," katanya pada sidang akhbar selepas berakhir Persidangan Perwakilan Nasional Gerakan Kali Ke-30 di Menara PGRM di sini hari ini.

Semalam Perdana Menteri secara terbuka menyahut cabaran Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dengan menegaskan bahawa Malaysia adalah negara Islam yang selari dengan ajaran Islam.

Fadzil baru-baru ini mencabar Perdana

Menteri mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Dr. Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, negara Islam yang diamalkan sekarang adalah negara Islam demokratik yang menjadikan Perlembagaan sebagai garis panduan ke arah mencapai cara hidup masyarakat berbilang kaum.

"Manakala Pas, apa yang dilihat dari sikap kepimpinan mereka terhadap wanita, pelaksanaan undang-undang hudud dan syariah adalah tidak mengembirakan dan ditolak," katanya.

Ketika ditanya mengenai penyertaan generasi muda di dalam Gerakan, Dr. Lim berkata, pihaknya belum berpuas hati dengan sambutan golongan muda.

Islam dibahas

"Barangkali ini kerana Gerakan tidak mempunyai banyak kerusi dan tidak berpeluang memegang jawatan menteri.

"Tetapi kita akan menjalankan usaha menerangkan perjuangan politik dan peranan Gerakan dalam Barisan Nasional dengan harapan untuk menarik golongan muda," jelasnya.

Katanya, bagi mengatasi masalah itu pemimpin pemuda dan wanita di semua peringkat diharap dapat mengembelngkan tenaga bagi menambah ahli parti.

Terdahulu dalam ucapan penggulungan, Dr. Lim menegur kualiti ucapan perwakilan yang tidak kritikal terhadap Presiden sebaliknya banyak mengeluarkan kata-kata pujian semata-mata.

"Perwakilan perlu memberi kritikan membina bagi membolehkan parti bertambah baik," ujarinya.

Dr. Lim juga mengingatkan ahli Gerakan agar tidak menganggap perhubungan mereka dengan MCA sebagai hubungan antara parti yang berlainan.

"Ini tidak selari dengan semangat Barisan Nasional (BN) dan akan merosakkan BN sendiri. Kita tak boleh bertindak balas apabila MCA menghasut pemimpin atau ahli Gerakan,"

"Selagi ahli parti melaksanakan tugas mereka dengan baik, tidak perlu tindak balas terhadap MCA," katanya.